



SIARAN AKHBAR

MAJLIS SAMBUTAN AWAL TAHUN 1445 HIJRAH KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

*Hari Sabtu, 4 Muharram 1445H bersamaan 22 Julai 2023M
Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam*

Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun 1445 Hijrah yang dikendalikan oleh Jabatan Perikanan. Majlis diadakan pada hari Sabtu, 22 Julai 2023 Masihi bersamaan 4 Muharram 1445 Hijrah bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir selaku Tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah seterusnya diikuti dengan Ceramah Khas Hijrah bertajuk “Renungan dan Harapan di Sebalik Tahun Baru Hijrah” yang disampaikan oleh Yang Mulia Dr. Mikdar Rusdi, Penolong Kanan Professor, Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Tema Majlis Sambutan Awal Tahun 1445 Hijrah Peringkat Negara ialah “Ugama Dipelihara, Negara Sejahtera”. Agama Islam sangat menjaga dan memastikan ugama dipelihara dengan baik bagi memastikan Negara dalam keadaan aman dan sejahtera. Majlis ini juga merupakan aktiviti tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam disamping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya. /TAMAT

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Tarikh: 22 Julai 2023